

Persepsi Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Politeknik Malaysia Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program Peningkatan Kemahiran (PPK) Secara Dalam Talian

Fauzih binti Ayob¹, Suhana binti Sabran², Kamarulizuan bin Md Yasin³

¹ Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah¹

²Politeknik Merlimau Melaka

³Politeknik METrO Kuala Lumpur

Abstrak: Program Peningkatan Kemahiran (PPK) merupakan syarat wajib bagi urusan permohonan kenaikan pangkat bagi Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Namun, kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diseluruh negara, kaedah pelaksanaan program PPK telah diubah daripada secara semuka kepada kaedah dalam talian. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengukur persepsi PPPT terhadap tahap keberkesanan latihan dalam aspek peningkatan kompetensi, keberkesanan penyampaian penceramah dan penyelarasan latihan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan borang soal selidik dibangunkan oleh penyelidik serta telah melalui ujian kesahan dengan nilai alpha cronbach melebihi 0.7. Jumlah responden seramai 510 orang dikalangan peserta yang telah menghadiri PPK pada tahun 2022. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 25 untuk mendapatkan nilai skor min. Hasil kajian menunjukkan tahap skor min yang tinggi terhadap peningkatan kompetensi responden, keberkesanan dalam penyampaian penceramah serta keberkesanan penyelarasan latihan. Merujuk kepada hasil dapatan ini, dapatlah dirumuskan bahawa persepsi kepuasan PPPT terhadap keberkesanan pelaksanaan PPK dalam talian adalah berada pada tahap yang tinggi.

Kata kunci: *Persepsi, Program Peningkatan Kemahiran (PPK), latihan dalam talian*

1.0 PENGENALAN

Pada 1 Januari 2008, Semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang berkhidmat di bawah Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) yang telah menerima opsyen skim baru iaitu Skim Perkhidmatan PPPT telah diklasifikasikan sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Antara keistimewaan skim ini ialah peluang kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan tetapi perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan termasuk memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan, (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007).

Salah satu syarat wajib permohonan kenaikan pangkat ialah semua PPPT diwajibkan menghadiri latihan Program Peningkatan Kemahiran (PPK) (Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Edisi Calon Versi 3, Pindaan 1). PPK merupakan latihan berkaitan bidang teras utama pengajaran dan pembelajaran. PPPT bidang teknikal akan mengikuti latihan berkaitan bidang TVET atau vokasional profesional manakala PPPT bukan teknikal bidang pedagogi sosial. Pemilihan peserta untuk latihan adalah berdasarkan skor penilaian yang dilaksanakan setahun sekali dalam sistem eprofiling TiPS. Sistem ini diperkenalkan untuk merapatkan jurang kompetensi PPPT dalam bidang teras masing-masing. Sebagai contoh PPPT yang mengikuti PPK bertajuk *BIM of Quantification* hanya untuk pensyarah bidang Ukur Bahan. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pengetahuan sedia ada atau memberi pendedahan baru kepada PPPT dalam bidang berkaitan kepada semua PPPT yang berada di gred semasa.

Pada Mac 2020, seluruh dunia telah dikejutkan dengan pandemik Coronavirus yang turut dikenali sebagai Covid 19 termasuk Malaysia dan peningkatan kes naik begitu mendadak. Keadaan ini telah membawa kepada keputusan kerajaan Malaysia. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 supaya penularan wabak Covid-19 dapat dielak daripada terus merebak dengan menghadkan aktiviti harian luar sepenuhnya. Selari dengan pelaksanaan PKP, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, (JPPKK) telah mengeluarkan garis panduan pengurusan pengoperasian institusi semasa dan pasca Kawalan Perintah Pergerakan (PKP) wabak covid-19 bagi Politeknik dan Kolej Komuniti (Jun 2020), (JPPKK.BGK.600-1/1/1(50) Huzairy et al., (2020) dimana semua proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian termasuk pelaksanaan latihan secara semuka ditukar seperti PPK turut dijalankan dalam talian sahaja. Latihan PPK mula dilaksanakan secara dalam talian pada pertengahan tahun 2020 sehingga 2022. Pelaksanaan proses pembelajaran secara maya atau dalam talian menjadi keperluan mendesak ketika seluruh dunia termasuk Malaysia bergelut dengan masalah penularan wabak Covid-19 Muzaffar Syah, (2020). Keperluan pelaksanaan segala aktiviti lebih praktikal dijalankan secara dalam talian dan telah digunapakai secara meluas dalam segala urusan yang dirasakan sesuai. Oleh itu latihan PPK yang dahulunya dilaksanakan secara bersemuka sepenuhnya juga terpaksa diubah medium pelaksanaannya dan diadakan secara dalam talian. Perubahan kepada kaedah pelaksanaan ini dilihat satu keperluan oleh kumpulan penyelidik bagi melihat impak atau kesan penerimaan peserta latihan terhadap kaedah ini perlu diadakan. Penyataan ini disokong oleh kajian Lockman et al., (2020) yang menyatakan pelaksanaan dalam talian juga dikatakan lebih

menarik dan memberi impak besar kepada proses pemindahan maklumat kepada peserta. Latihan atau kursus adalah salah satu proses pembelajaran. Pembelajaran dalam talian dikategorikan sebagai penggunaan teknologi maklumat untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Konsep pembelajaran ini juga dikenali sebagai e-pembelajaran adalah pengaruh dalam proses transformasi pendidikan konvensional ke dalam bentuk digital, baik kandungan dan sistem Santoso, (2014). Program PPK yang sebelum ini diadakan secara bersemuka kerana ianya banyak melibatkan modul berkaitan amali ataupun praktikal. Terdapat beberapa kekangan dalam melaksanakan program sebegini secara dalam talian kerana kebiasaanya hanya latihan yang melibatkan bidang-bidang umum seperti teori atau penggunaan perisian bukannya peralatan atau perkakasan fizikal.

Sehubungan itu, penyelidik melihat keperluan untuk mengetahui keberkesanan dalam konteks peningkatan kompetensi, keberkesanan penceramah dan penyelarasan dalam melaksanakan PPK secara dalam talian. Alqahtani et al., (2020) menyatakan cabaran terhadap persepsi peserta dalam sesebuah latihan meliputi beberapa faktor utama seperti peningkatan pengetahuan, penyampaian dan pengalaman pengajar serta pengurusan urusetia. Ini kerana menurut kajian Norhiza et al., (2021), kesesuaian pelaksanaan latihan semuka yang dilaksanakan dalam talian perlu dikaji sejauh mana penerimaan oleh kumpulan sasaran bagi melihat adakah relevan dan tidak menjejaskan kualiti latihan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan penilaian tahap persepsi PPPT terhadap keberkesanan Program PPK yang dilaksanakan.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Proses peningkatan kompetensi samaada dari segi kemahiran, pengetahuan dan sikap perlu dilaksanakan dalam menambahbaik prestasi kerja. Oleh itu latihan perlu diadakan dimana ianya adalah pelaburan yang dibiayai oleh organisasi. Pandemik COVID-19 turut memberi impak kepada latihan dengan mengubah proses pengajaran dan pembelajaran ke dalam bentuk maya atau talian berbanding secara konvensional. Kenyataan ini disokong oleh Lubna, Zalika, Siti & Ghazali (2021) di mana ianya mencetus pelbagai cabaran untuk golongan pendidik dan pelajar dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu. Situasi ini juga memberi impak kepada pelaksanaan latihan yang melibatkan kompetensi pengajar, keberkesanan pengajaran penceramah dan keberkesanan kepada penyelarasan latihan.

Seiring dengan dasar kerajaan dalam memperkasakan pendidikan vokasional, peningkatan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang merupakan 3 elemen kompetensi perlu dititikberatkan Junita, (2018). Sekiranya pengajar atau pensyarah tidak kompeten ianya akan menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran sekaligus memberi impak kepada pelajar. Mereka merupakan golongan pelaksana segala dasar dan matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru itu, adalah menjadi satu tanggungjawab tenaga pengajar dalam menggabungkan pelbagai kemahiran merentasi kurikulum yang telah dibangunkan. Faizal, Nabilah, Jamil, Saiful, Fairuz & Bekri, (2017). Istilah kompetensi menerangkan tentang pengetahuan, kemahiran, dan ciri peribadi yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Kompetensi dianggap sebagai alat penilai

dan penanda aras untuk melihat kemajuan dan pencapaian peribadi dengan lebih objektif. Kompetensi seorang guru atau pensyarah merupakan sesuatu yang bernilai dalam dunia Pendidikan (Ahmad et al, 2022).

Selain dari kompetensi pensyarah, latihan atau kursus juga menitikberatkan peranan penceramah. Menurut Azani (2013), dalam meningkatkan keberkesanan kursus dikalangan peserta, penceramah perlu mengetahui perkembangan semasa mengenai teknologi terkini yang relevan dalam memberi latihan.

Dalam melaksanakan latihan untuk peningkatan tahap pengetahuan sedia ada PPPT ianya bermula dengan analisis keperluan latihan, merekabentuk latihan, melaksana dan menilai program latihan. Analisa keperluan latihan adalah berpandukan kepada skor penilaian dalam sistem eProfiling TiPS yang telah diperkenalkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) pada tahun 2017.

3.0 – METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kaedah berbentuk tinjauan kuantitatif deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Reka bentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik bagi memperoleh nilai min. Analisis deskriptif ini bertujuan untuk menganalisis dan menulis dapatan secara umum, Ainnuratika, (2021). Instrumen soal selidik adalah instrumen kajian yang paling sesuai digunakan untuk menentukan persepsi PPPT Politeknik Malaysia terhadap keberkesanan Pelaksanaan Program Peningkatan Kemahiran (PPK) secara dalam talian.

Soal selidik ini dibangunkan oleh penyelidik dan telah melalui proses kesahan dimana setiap item mencapai nilai alpha cronbach melebihi 0.7. Empat konstruk utama yang dinilai dalam borang soal selidik iaitu demografi, tahap kompetensi, keberkesanan penceramah dan keberkesanan penyelarasan. Konstruk bagi setiap item iaitu bahagian A berkenaan demografi, bahagian B mengandungi konstruk berkaitan aspek kompetensi dengan 5 jumlah item soalan, bahagian C berkaitan aspek keberkesanan penceramah dengan 6 jumlah item soalan dan bahagian D berkaitan dengan keberkesanan penyelarasan dengan 5 jumlah item soalan. Borang soal selidik telah diedarkan secara dalam talian dan responden bagi kajian ini seramai 510 orang daripada keseluruhan 750 peserta yang mengikuti program PPK tahun 2022. Data yang telah dikumpulkan, direkod dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25. Interpretasi skor min kajian ini merujuk kepada skor min yang dikemukakan oleh Pallant (2011) seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Tahap	Skor Min
Tinggi	3.67 - 5.00
Sederhana	2.34 - 3.66
Rendah	1.00 - 2.33

Populasi bagi kajian ini adalah dikalangan peserta yang telah menghadiri Program PPK bagi tahun 2022. Saiz populasi bagi kajian ini sekitar 780 orang manakala penentuan saiz sampel yang dipilih pula dengan merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan (1970) adalah sebanyak 510 orang responden. Teknik persampelan rawak mudah telah dipilih sebagai teknik persampelan. Pensampelan secara rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Persampelan rawak mudah ini juga sesuai digunakan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam Ghazali et al., (2016).

4.0 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Hasil dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan SPSS mendapati keseluruhan nilai skor min berapa pada tahap yang tinggi dan data yang diperolehi dihuraikan mengikut setiap konstruk utama kajian. Menurut Cheng Sim et al., (2022) latihan dalam talian dengan tahap interaktiviti yang tinggi menghasilkan peningkatan tahap motivasi peserta dan kepuasan yang lebih baik berbanding dengan persekitaran pembelajaran yang kurang interaktif.

4.1 Dapatan Analisis Penilaian Aspek Tahap Kompetensi

Bagi aspek kompetensi, dapatan analisis terhadap skor min dan sisihan piawai maklum balas responden ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis item persepsi keberkesanan tahap kompetensi

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Tahap pengetahuan saya meningkat setelah mengikuti latihan ini.	4.55	Tinggi
2	Tahap pemahaman saya meningkat setelah mengikuti latihan ini.	4.52	Tinggi
3	Tahap kemahiran saya meningkat setelah mengikuti latihan ini.	4.47	Tinggi
4	Saya mampu menyelesaikan masalah berkaitan latihan yang diikuti.	4.38	Tinggi
5	Saya boleh berkongsi kemahiran dengan orang lain.	4.32	Tinggi
Purata Keseluruhan		4.45	Tinggi

Melihat kepada pencapaian keseluruhan dibawah konstruk ini, persepsi responden terhadap tahap kompetensi selepas menghadiri PPK adalah tinggi dengan jumlah purata skor min keseluruhan sebanyak 4.45. Kajian Gopal et al., (2021) menyatakan keberkesanan dan kepuasan peserta akan berada di tahap tinggi yang akan membawa kepada peningkatan kompetensi peserta latihan. Pelaksanaan latihan peningkatan kemahiran akan berkesan dan sangat membantu sekiranya peserta berpuas hati. Dapatan bagi setiap item menunjukkan skor min dengan jumlah yang tertinggi jatuh kepada item yang menyatakan tahap pengetahuan saya meningkat setelah mengikuti latihan ini dengan nilai 4.55. Seterusnya tahap pemahaman dan kemahiran turut dikatakan meningkat dengan skor min masing - masing 4.52 dan 4.47. Item mampu menyelesaikan masalah dan berkongsi kemahiran berkaitan latihan masing - masing memperoleh skor min sebanyak 4.38 dan 4.32

4.3 Dapatan Analisis Penilaian Aspek Tahap Keberkesanan Penceramah

Bagi mengenalpasti tahap persepsi PPPT berdasarkan aspek keberkesanan penceramah pula, dapatan analisis terhadap skor min maklum balas responden ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Analisis item persepsi Keberkesanan Penceramah

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Objektif latihan tercapai	4.68	Tinggi
2	Pengisian latihan yang sesuai.	4.65	Tinggi
3	Menggunakan bahasa yang mudah difahami	4.70	Tinggi
4	Pengurusan masa yang baik	4.70	Tinggi
5	Penceramah yang berpengalaman	4.75	Tinggi
6	Memperoleh pengetahuan baharu hasil perkongsian penceramah	4.72	Tinggi
	Purata Keseluruhan	4.70	Tinggi

Jadual 4 di atas menunjukkan keseluruhannya analisis skor min dari sudut persepsi responden terhadap keseluruhan item mendapat nilai yang tinggi (skor min = 4.70). Faktor yang menyumbang kepada kepuasan dan prestasi latihan dalam talian berada di tahap tinggi iaitu kualiti tenaga pengajar. Gopal et al., (2021). Skor min tertinggi sebanyak 4.75 diperolehi oleh item yang menyatakan penceramah yang berpengalaman dan diikuti dengan item seterusnya

iaitu memperoleh pengetahuan baharu hasil perkongsian penceramah dengan skor min 4.72. Dua item iaitu menggunakan bahasa yang mudah difahami dan pengurusan masa yang baik mendapat jumlah skor min yang sama nilai iaitu 4.70. Selain itu, dua lagi item berikutnya masih mengekalkan skor min atas 4.00 iaitu objektif latihan tercapai (skor min = 4.68) dan pengisian latihan yang sesuai (skor min = 4.65). Dapatan ini diselari dengan kajian Cheng Sim et al. (2022) yang menyatakan kaedah tenaga pengajar menyampaikan kandungan syarahan boleh meningkatkan penyertaan pendengar dan seterusnya meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam talian.

4.4 Dapatan Kajian 3: Analisis Penilaian Aspek Tahap Keberkesanan Penyelarasan

Seterusnya, bagi mengenalpasti tahap persepsi PPPT berdasarkan aspek keberkesanan penyelarasan pula, dapatan analisis terhadap skor min maklum balas responden ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Analisis item persepsi Keberkesanan Penyelarasan

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Pemilihan tarikh bersesuaian dengan kalendar akademik PolyCC	4.26	Tinggi
2	Pengisian latihan yang sesuai.	4.24	Tinggi
3	Pemakluman latihan dibuat dalam tempoh bersesuaian.	4.54	Tinggi
4	Pemberitahuan latihan menggunakan media elektronik.	4.65	Tinggi
5	Latihan dijalankan mengikut perancangan.	4.26	Tinggi
Purata Keseluruhan		4.48	Tinggi

Berdasarkan dapatan jadual 5, persepsi responden terhadap keberkesanan penyelarasan mencapai tahap yang tinggi dengan purata keseluruhan skor min = 4.48. Skor min bagi item yang mencapai tahap persetujuan yang paling tinggi ialah pemberitahuan latihan menggunakan media elektronik (skor min = 4.65). item berikutnya yang mendapat tahap persetujuan tinggi ialah pemakluman latihan dibuat dalam tempoh bersesuaian dengan skor min sebanyak 4.54. Tiga item seterusnya memperolehi skor min yang hampir sama iaitu pemilihan tarikh bersesuaian dengan kalender akademik PolyCC (skor min = 4.26), pengisian latihan yang sesuai (skor min = 4.24) dan latihan dijalankan mengikut perancangan (skor min= 4.26).

Menurut kajian Alqahtani et al., (2020), perspektif pengurusan adalah salah satu faktor paling kritikal yang mempengaruhi keberkesanan proses latihan dalam talian dan ia juga penentu kepada kepuasan peserta. Kenyataan ini menyokong bahawa penyelarasan latihan program PPK sangat berkesan dan responden berpuas hati dengan pengurusan urusetia. Maklum balas terhadap penyelarasan latihan penting untuk sesebuah organisasi membuat penambahbaikan terhadap pengurusan dan penyelarasan latihan dan mendapatkan sokongan organisasi terhadap latihan yang dilaksanakan Reio et al, (2017).

4.5 Dapatan Kajian 4: Analisis Penilaian Keseluruhan Peratusan dan Tahap Persepsi PPPT

Jadual 6 menunjukkan analisis keseluruhan peratusan dan tahap persepsi PPPT terhadap program PPK yang dilaksanakan secara dalam talian dari aspek kompetensi, keberkesanan penceramah dan keberkesanan penyelarasan.

Jadual 6: Analisis Keseluruhan Interpretasi Skor Min Persepsi PPPT terhadap Keberkesanan program PPK dalam talian

Bil	Aspek	Skor Min	Tahap
1	Tahap Kompetensi	4.45	Tinggi
2	Keberkesanan Penceramah	4.70	Tinggi
3	Keberkesanan Penyelarasan	4.48	Tinggi
	Purata Keseluruhan	4.54	Tinggi

Berdasarkan ketiga - tiga aspek ini, dapatan yang diperolehi menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dengan skor min keseluruhan sebanyak 4.54. Nilai min dari aspek keberkesanan penceramah mendapat nilai yang paling tinggi berbanding aspek yang lain, iaitu sebanyak (4.70), diikuti dengan aspek keberkesanan penyelarasan (4.48) dan aspek tahap kompetensi (4.45).

Persepsi peserta latihan terhadap aspek tahap kompetensi yang dibangunkan oleh penceramah dalam melaksanakan PPK secara dalam talian juga berada di tahap yang tinggi (4.45). Walaupun kaedah latihan telah berubah kepada dalam talian, ternyata peserta mendapat peningkatan pengetahuan dan pemahaman setelah mengikuti latihan yang disediakan. Tahap kemahiran peserta juga meningkat dan mampu untuk menyelesaikan masalah berkaitan latihan yang diikuti. Komitmen dengan tahap kesediaan yang tinggi di antara penceramah dan para peserta juga amat penting demi memastikan segala aktiviti latihan secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan sebaiknya untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Seterusnya dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan penceramah merupakan satu aspek yang terpenting dalam membantu kelancaran latihan terutamanya ketika sedang berkomunikasi dua hala secara dalam talian yang membataskan pergerakan secara fizikal. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Suprato (2018) yang membuktikan

bahawa komunikasi secara efektif dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peningkatan pembelajaran. Penceramah yang berpengalaman juga membantu untuk memastikan objektif PPK dapat dicapai dan peserta memperoleh pengetahuan yang baharu hasil perkongsian penceramah.

Akhir sekali, bagi aspek keberkesanan penyelarasan PPK secara dalam talian pula mencatat nilai tertinggi yang kedua. Ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi dan media elektronik bukan lagi menjadi masalah utama untuk dikuasai oleh para peserta latihan memandangkan penggunaan peralatan teknologi adalah sesuatu yang biasa dalam era globalisasi kini. Pemakluman latihan yang bersesuaian kepada peserta dengan mengambil kira kalendar akademik politeknik dan kolej komuniti membolehkan latihan berjalan lancar mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

5.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian persepsi yang telah dijalankan ke atas Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Politeknik Malaysia secara dalam talian ini adalah satu keperluan bagi mengenalpasti tahap persepsi responden terhadap Program Peningkatan Kemahiran (PPK). Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk menilai sejauh mana pelaksanaan PPK yang memfokuskan kepada kepakaran bidang PPPT dijalankan secara dalam talian, di sebalik amalan biasa sebelum ini yang melaksanakan PPK secara bersemuka.

Pelbagai kajian terdahulu menunjukkan kepuasan latihan secara bersemuka lebih tinggi daripada secara dalam talian. Walaupun persepsi latihan secara dalam talian direkodkan dengan nilai tinggi namun demikian politeknik dan penyedia latihan menghadapi pelbagai cabaran. Di antaranya masalah tahap kesediaan latihan secara dalam talian, suasana latihan yang berbeza, kemudahan peranti teknologi untuk keperluan latihan dan capaian internet, Mahalingam & Jamaludin, (2022) serta sukar untuk membuat hubung kait antara teori dan praktikal, Yıldırım, (2021). Walau bagaimanapun seiring dengan perubahan dari pasca pandemik ke endemik, proses pengendalian dan pelaksanaan latihan secara dalam talian dilihat menunjukkan prestasi yang lebih baik.

Responden memberikan reaksi yang positif, di mana persepsi mereka merekodkan nilai min yang tinggi terhadap keberkesanan latihan yang merangkumi aspek tahap kompetensi, tahap keberkesanan penceramah dan tahap keberkesanan penyelarasan. Cabaran dalam melaksanakan latihan secara dalam talian semasa pandemik Covid -19 telah mengubah landskap pengendalian latihan di seluruh negara. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) tidak terkecuali. Sebelum Covid-19, PPK dijalankan secara bersemuka tetapi selepas Covid-19 muncul ia bertukar kepada mod dalam talian sehingga ke pasca Covid-19. Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan tahap keberkesanan Program Peningkatan Kemahiran (PPK) yang diadakan secara dalam talian adalah tinggi.

Dapatan keseluruhan kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa keberhasilan sesebuah latihan dalam talian dapat dikenalpasti melalui 3 komponen utama iaitu peningkatan tahap kompetensi, keberkesanan penyampaian penceramah dan keberkesanan penyelarasan bagi memastikan objektif latihan berjaya dicapai. Selain itu, keperluan peranti, kemahiran teknologi, capaian internet, pengurusan masa antara komitmen kerja dan komitmen sebagai peserta latihan juga

perlu ditekankan secara rasmi, Cheng Sim et al., (2021). Kepuasan peserta wujud kerana hasil daripada pengisian latihan selari dan relevan dengan tugas yang dilaksanakan di pejabat. Seterusnya, Kandungan latihan yang relevan dengan keperluan peserta bukan sahaja dapat meningkatkan kompetensi, ia juga dapat meningkatkan motivasi mereka, Harrandi, (2015). Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada pihak pengurusan pusat dalam merancang dan mereka bentuk latihan yang hendak dilaksanakan agar pelaksanaannya relevan dengan keperluan kumpulan sasaran dan dapat meningkatkan kompetensi mereka di dalam melaksanakan tugas harian mereka.

RUJUKAN

- Ain Nur Atika (2021). *Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan* ISSN: 2180-4842. Vol. 11, Bil. 1 (Mei 2021): 75-87
- Alqahtani, A. Y., & Rajkhan, A. A. (2020). *E-learning critical success factors during the COVID19 pandemic: A comprehensive analysis of e-learning managerial perspectives*. Education in Science, 10(9), 216
- Azani, A. R. (2013). *Tranformasi Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Cheng Sim, Q., Asiah, Y.K., Salwati, S. (2022). *Kajian keberkesanan latihan kemahiran perundingan dan konsultasi untuk pemimpin pendidikan dalam talian berdasarkan model Kirkpatrick*. Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, 35(1)
- Faizal Amin Nur Yunus1*, Nabilah Abdul Suki2, Jamil Abd Baser3, Saiful Hadi Masran4, Mohd Fairuz Marian5& Mohd Bekri Rahim (2017) *Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kompetensi pengajar tvet terhadap pengajaran teknikal berdasarkan pendekatan model Rasch*
- Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi Edisi Calon Versi 3 (Pindaan 1) Tahun 2022
- Ghazali & Sufean. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian*. In Penerbit Universiti Malaya.
- Gopal, R., Singh, V & Aggarwal, A. (2021). *Impact of online classes on the satisfaction and performance of students during the pandemic period of Covid-19*. Education and Information Technologies Journal, Springer, 6923-6947
- Harrandi, S. R. 2015. *Effects of e-learning on students' motivation*. Social and Behavioral Sciences, 181, 423–430.
- Lockman, A. S & Schirmer, B. R. (2020). *Online instruction in higher education: Promising, research-based and evidence-based practices*. Journal of Education and eLearning Research, 7(2), 130-152
- Mahalingam, N., & Jamaludin, K. (2022) *Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran*. Jurnal dunia Pendidikan, 3(4). 104-115.

- Mohd Noor, Ahmad Firdaus Shukor, Khairunnisa A, Abd Nasir Musa, Ahmad, Bakhtiar Jelani, Fathil, Fathiah; et al. *Jurnal islam dan masyarakat kontemporari*: Kuala Terengganu Vol. 23, Iss. 1, (Jan 2022): 17-26. DOI:10.37231/jimk.2022.23.2.559
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007
- Reio T.G., Rocco T.S., Smith D.H., & Chang E. (2017). *A critique of Kirkpatrick's evaluation model new horizons in adult education & human resource development*, 29 (2), 35-53
- Santoso, H., & Wyn, W.E. (2014). *Primary school e-learning development as a social study*
- Suprpto, H. A. (2018). *Pengaruh komunikasi efektif untuk meningkatkan hasil belajar mahasiswa*. Khazanah Pendidikan, 11(1). Learning Model in the 5 th Grade Primary School.
- Yıldırım, B. F. (2021). *Preschool education in turkey during the Covid-19 pandemic: A phenomenological study*. Early Childhood Education Journal, 49(5), 947–963.